

Headline	Tutup sekolah tafiz swasta tidak daftar		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	19 Mar 2019	Circulation	69,985
Section	Nasional	Readership	209,955
Page No	18	ArticleSize	422 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 14,547
Journalist	Norrasyidah Arshad	PR Value	RM 43,640
Frequency	Daily		



DUN SELANGOR

Tutup sekolah tafiz swasta tidak daftar JAIS

• Sultan Selangor turut titah agar pusat ditamatkan perkhidmatan

Oleh Norrasyidah Arshad
norrasyidah@nsp.com.my

■ Shah Alam

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, menitahkan semua sekolah tafiz swasta yang tidak berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) ditutup serta ditamatkan perkhidmatannya.

Baginda bertitah, pada masa ini, ada sejumlah 15,000 pelajar tafiz di 263 sekolah tafiz swasta yang berdaftar dengan JAIS.

“Beta menitahkan sekolah tafiz yang tidak berdaftar dengan JAIS dan tidak mempunyai kurikulum dan sistem pendidikan akademik moden hendaklah ditutup dan ditamatkan perkhidmatannya,” titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, di sini, semalam.

Turut berangkat Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.



[FOTO ROSLIN MAT TAHIR /BH]

Sultan Sharafuddin Idris Shah, Tengku Permaisuri Norashikin dan Tengku Amir Shah berkenan berangkat ke Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Kedua DUN Selangor di Shah Alam, semalam.

Dalam perkembangan lain, Sultan Selangor mahu kerajaan melaksanakan penguatkuasaan lebih serius kepada pihak yang dengan sengaja membuang sisa beracun ke sungai.

Titah baginda undang-undang baharu hendaklah digubal, jika perlu untuk menegaskan hukuman berat kepada pesalah yang mencemarkan sumber air di negeri itu.

Pergiat kempen kesedaran
Baginda bertitah, Kerajaan Selangor juga perlu mempergiatkan kempen kesedaran menjaga kebersihan sungai yang menjadi sumber air di Selangor dalam usaha mendidik masyarakat.

“Beta dimaklumkan bahawa empat atau lima sungai di Selangor telah tercemar dengan

bahan buangan daripada sisa pepejal dan sisa toksik,” titah baginda.

Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah, kawasan tadarhan air dan hutan simpan di Selangor mestilah dikekalkan dan dipelihara dengan baik supaya sumber air untuk rakyat sentiasa mencukupi dan tidak terjejas pada masa akan datang.

Baginda juga bertitah penggunaan air oleh isi rumah di Selangor lebih tinggi, berbanding purata kadar nasional dan sekiranya jumlah berkenaan dapat diturunkan, langkah itu boleh menyumbang kepada penjimatuan air bersih serta menjamin bekalan sumber air berterusan.

“Beta berkenan apabila kerajaan negeri telah mengambil tindakan proaktif, strategik dan

terancang dengan menyediakan Pelan Induk Sumber Air Negeri Selangor yang dapat menjamin kelangsungan bekalan air sehingga 2065,” titahnya.

Sementara itu, Sultan Sharafuddin Idris Shah mengingatkan rakyat untuk menghormati antara satu sama lain dan tidak membesarcan perkara yang menyentuh sensitiviti sesuatu agama, kaum, bangsa atau keturunan yang boleh menggugat keharmonian.

“Gunakanlah kemajuan teknologi yang ada sekarang ini untuk perkara yang positif dan boleh menyumbang kepada perpaduan masyarakat dan bukannya untuk menyebarluaskan fitnah dan berita palsu serta menghina seseorang yang boleh menyebabkan perpecahan masyarakat,” titah baginda.

Headline	Selangor tunggu laporan LUAS		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	19 Mar 2019	Circulation	69,985
Section	Nasional	Readership	209,955
Page No	62	ArticleSize	427 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 14,719
Journalist	Norrasyidah Arshad	PR Value	RM 44,157
Frequency	Daily		



SISA BUANGAN KIMIA BERHAMPIRAN SUNGAI KLANG

[FOTO FAIZ ANUAR/BH]



Pekerja membersihkan kolam takungan berhampiran Sungai Klang di Taman Eng Ann, Klang, kelmarin.

Selangor tunggu laporan LUAS

⚡ Kerja bersih sisa buangan kimia capai 85 peratus

Oleh **Norrasyidah Arshad**
norrasidah@nsp.com.my

■ Shah Alam

Kerja pembersihan sisa buangan kimia dari kolam takungan berhampiran Sungai Klang di Taman Eng Ann mencapai 85 peratus sehingga jam 10 malam kelmarin.

Menteri Besar, Amirudin Shari, berkata pembersihan itu adalah langkah awal diambil bagi menangani masalah pencemaran kimia di kolam takungan itu.

"Pencemaran tidak berlaku di Sungai Klang, tetapi hanya di kolam takungan itu."

"Buat masa ini, kita da-

lam tindakan mengeluarkan semua bahan kimia yang terdapat di dalam kolam berkenaan.

"Kita akan pantau dari semasa ke semasa dan memerlukan maklumat daripada orang awam berkenaan kawasan yang berpotensi untuk berlaku kejadian sama seperti di kolam takungan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Istiadat Pembukaan Penggal Kedua Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor Ke-14 di sini, semalam.

Ambil sampel
Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan merasmikan istiadat terbabit.

Yang turut berangkat mengiringi baginda, Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.

Amirudin berkata, kerajaan negeri sudah mengambil sampel sisa buangan terbabit, selain menunggu

laporan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

"Laporan ini akan digunakan sebelum mengambil tindakan pendakwaan," katanya.

Sementara itu, diminta mengulas titah Sultan Selangor yang mahu sekolah tahfiz swasta tidak berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) ditutup, Amirudin berkata, kerajaan negeri akur dengan titah berkenaan.

"Setakat ini, kita belum mengambil tindakan menukip (pusat tahfiz swasta tidak berdaftar) kerana sejak dua tahun lalu kerajaan negeri sudah mengarahkan sekolah tahfiz itu didaftarkan. Kita memudahkan cara sekolah tahfiz mendaftar dan sudah beri masa yang cukup."

"Tindakan perlu diambil kerana kita bukan hendak menghalang, tetapi perlu memastikan sekolah mempunyai kurikulum sempurna, selain mempunyai kemudahan tidak berbahaya," katanya.

Headline	Dr Daroyah angkat sumpah Timbalan Speaker DUN Selangor		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	69,985
Page No	62	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	142 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,895
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,685



Dr Daroyah angkat sumpah Timbalan Speaker DUN Selangor

Shah Alam: Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sementa, Dr Daroyah Alwi, mengangkat sumpah sebagai Timbalan Speaker DUN Selangor yang baharu pada Majlis Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Kedua Dewan Negeri (DUN) Selangor Ke-14, di sini, semalam.

Dr Daroyah yang juga Timbalan Ketua Wanita PKR menggantikan ADUN Paya Jaras, Mohd Khairuddin Othman yang dilantik menjadi EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan Selangor pada Disember lalu.

ADUN Semenyih turut angkat sumpah

Beliau adalah Timbalan Speaker wanita kedua di DUN Selangor selepas Hanizah Mohamed Talha (sebelum ini ADUN Taman Medan) pada 2008.

Pada majlis sama, Zakaria Ha-



Dr Daroyah Alwi

nafi secara rasmi turut mengangkat sumpah sebagai ADUN Semenyih yang baharu.

Pada awal Mac lalu, Zakaria menang dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Semenyih dengan 19,780 undi.

Kedua-dua mereka mengangkat sumpah di hadapan Speaker DUN Selangor, Ng Suee Lim.

Headline	Sekolah tafiz tidak berdaftar diarah tutup		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	19 Mar 2019	Circulation	112,705
Section	Setempat	Readership	338,115
Page No	1,12	ArticleSize	244 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 9,612
Journalist	N/A	PR Value	RM 28,836
Frequency	Daily		



Shah Alam: Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah, semua sekolah swasta tafiz yang tidak berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) ditutup dan ditamatkan perkhidmatannya.

Baginda bertitah, terdapat 15,000 pelajar tafiz di 263 sekolah swasta tafiz yang berdaftar dengan JAIS sehingga kini.

“Beta menitahkan sekolah swasta tafiz yang tidak berdaftar dengan JAIS dan tidak mempunyai kurikulum dan sistem pendidikan akademik moden hendaklah ditutup dan ditamatkan perkhidmatannya,” titahnya.

Baginda bertitah demikian ketika Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor ke-14 di sini, semalam.

Turut berangkat, Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.

Sementara itu, Sultan Sharafuddin turut bertitah supaya pegawai kerajaan negeri termasuk yang berkhidmat dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) bekerja bersungguh-sungguh, berintegriti dan mem-

Sekolah tafiz tidak berdaftar diarah tutup



SULTAN Sharafuddin diiringi Tengku Permaisuri Norashikin ke Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Selangor ke-14, semalam.

berikan komitmen tinggi kepada tugas diamanahkan.

Baginda bertitah, antara perkara yang perlu diatasi oleh PBT ketika ini adalah memastikan sisa pepejal diuruskan dengan sistematis dan berkesan.

“Sampah-sarap di sebuah kawasan hendaklah dilupuskan dengan cara terbaik supaya tidak akan timbul masalah longgokan sampah tidak terkawal serta boleh mengakibatkan pencemaran bau dan membawa penyakit,” titahnya.

Headline	Bumbung kena 'kerat'		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	19 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	1,14	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	866 cm ²
Journalist	Hasbi Sidek	AdValue	RM 34,115
Frequency	Daily	PR Value	RM 102,345



Headline	Bumbung kena 'kerat'		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	19 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	1,14	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	866 cm ²
Journalist	Hasbi Sidek	AdValue	RM 34,115
Frequency	Daily	PR Value	RM 102,345



KEADAAN kenderaan yang dilanggar pesawat peribadi di landasan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah Subang, semalam.

Bumbung kena 'kerat'

■ Lelaki parah kendaraan dilanggar kapal terbang peribadi di landasan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah

Hasbi Sidek
am@hmetro.com.my

Subang

Sorang juruteknik Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) parah pada kepala selepas kenderaan dinaiki dilanggar sebuah pesawat peribadi ketika mendarat di landasan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, awal pagi semalam.

Difahamkan, dalam kejadian 3.20 pagi itu, lelaki terbabit dipercayai berada dalam Perodua Kembara milik syarikat berkenaan untuk memantau kerja penyelenggaraan di landasan.

Kejadian itu menyebabkan bahagian bumbung Perodua Kembara terbabit tercabut selepas terkena sayap pesawat berkenaan.

Bagaimanapun, mangsa tersebut di tempat duduk pemandu sebelum dibawa ke sebuah hospital swasta untuk menerima rawatan lanjut.



PESAWAT peribadi yang melanggar sebuah kenderaan kejuruteraan di landasan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah Subang, semalam.

Sementara itu, MAHB dalam satu kenyataan berkata, operasi penerbangan pesawat di lapangan terbang berkenaan terganggu seketika bagi memberi ruang untuk siasatan dan mengalihkan kenderaan serta serpihannya.

"Satu kemalangan berlaku di landasan lapangan terbang itu, membabitkan

sebuah pesawat peribadi dengan kenderaan (bahagian) kejuruteraan. Kami dukacita memaklumkan kakitangan yang juga pemandu Perodua Kembara parah.

"Mangsa menjalani pembandahan dan pihak syarikat akan memastikan dia mendapat rawatan terbaik serta mendapatkan semoga dia ce-

pat pulih," kata kenyataan itu.

Menurutnya, pasukan Airport Fire and Rescue Service ber geges ke lokasi kejadian sejurus mendapat maklumat bagi memberikan bantuan awal dan mendapati anak kapal serta penumpang pesawat berkenaan tidak mengalami kecederaan.

"Beberapa ketibaan pesawat terpaksa ditangguhkan sementara waktu kerana kerja pembersihan serpihan dijalankan di lokasi. Bagaimanapun, keadaan kembali terkawal kira-kira jam 9 pagi (semalam).

"Dalam masa sama, pihak MAHB akan bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) untuk menjalankan siasatan bagi mengetahui punca kejadian.

"Kementerian Pengangkutan juga mengaktifkan Bahagian Siasatan Kemalangan Udara (BSKU) untuk menjalankan siasatan menyeluruh mengenai kejadian ini," katanya.

Headline	Kenakan hukuman berat kepada petualang cemar sungai Selangor		
MediaTitle	Kosmo		
Date	19 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	12	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	254 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,617
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,851



Kenakan hukuman berat kepada petualang cemar sungai Selangor

SHAH ALAM – Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan kerajaan negeri supaya melaksanakan penguatkuasaan yang lebih serius terhadap pihak yang melepaskan sisa-sisa buangan ke sungai.

Sultan Selangor bertitah, baginda telah dimaklumkan bahawa empat atau lima batang sungai di Selangor telah tercemar dengan bahan-bahan buangan daripada sisa pepejal dan sisa toksik.

“Jika perlu, undang-undang hendaklah dibuat untuk mengenakan hukuman yang berat kepada pesalah-pesalah yang mencemarkan sungai-sungai di Selangor ini,” titah baginda pada istiadat pembukaan Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor ke-14 di Bangunan Dewan Negeri Selangor di sini semalam.

Turut berangkat ke istiadat itu ialah Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.

Sementara itu, baginda berkenan dan berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang telah memerlukan RM2.6 bilion untuk



SULTAN SHARAFUDDIN memeriksa barisan kehormat sempena istiadat pembukaan Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Kedua DUN Selangor di Shah Alam semalam.

melaksanakan 39 projek baharu dan 274 projek sambungan dalam Rolling Plan Keempat (RP4) Tahun 2019 di negeri itu.

Baginda turut berkenan dengan usaha gigih Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk memuktamadkan segera pelaksanaan Projek Menaiktaraf Jambatan Klang Ketiga Fasa 2 bernilai RM485 juta bagi mening-

katkan tahap perkhidmatan dan mengurangkan kesesakan.

Sultan Sharafuddin juga menzahirkan perasaan amat gembira dan berkenan dengan keputusan kementerian itu (Kementerian Hal Ehwal Ekonomi) untuk meneruskan 14 projek pembangunan yang ditangguhkan sebelum ini dengan kos keseluruhan bernali RM167 juta. – Bernama

Headline	Zakaria angkat sumpah ADUN Semenyih		
MediaTitle	Kosmo		
Date	19 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	12	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	159 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,142
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,426



Zakaria angkat sumpah ADUN Semenyih

SHAH ALAM – Zakaria Hanafi mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semenyih yang baharu pada Majlis Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor ke-14 di sini semalam.

Upacara itu dilakukan di hadapan Speaker DUN, Ng Suee Lim.

Beliau sebelum ini memenangi kerusi DUN Semenyih pada Pilihan Raya Kecil dengan mendapat 19,780 undi pada 2 Mac lalu.

Zakaria menewaskan calon Pakatan Harapan (PH), Mohammad Aiman Zainali yang memperoleh 17,866 undi, diikuti calon Parti Sosialis Malaysia (PSM), Nik Aziz Afiq Abdul (847 undi) dan calon Bebas, Kuan Chee Heng atau ‘Uncle Kentang’ memperoleh 725 undi.

Pada majlis sama, turut mengangkat sumpah ialah ADUN Sementa, Dr. Daroyah Alwi sebagai Timbalan Speaker DUN Selangor yang baharu.

Timbalan Ketua Wanita Parti Keadilan Rakyat itu menggantikan ADUN Paya Jaras, Mohd. Khairuddin Othman yang dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda dan Sukan dan Pembangunan Modal Insan.



ZAKARIA mengangkat sumpah sebagai ADUN Semenyih pada istiadat pembukaan Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Kedua DUN Selangor di Shah Alam semalam.

Headline	Selangor perlu lebih serius		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	20	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	359 cm ²
Journalist	HASNIZA HUSSAIN	AdValue	RM 6,124
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,372



Selangor perlu lebih serius

**Tingkat
penguatkuasaan
kepada pelaku
cemar alam sekitar**

HASNIZA HUSSAIN

SHAH ALAM

K erajaan Selangor diarahkan melaksanakan penguatkuasaan yang lebih serius terhadap pihak yang melepaskan sisa-sisa buangan ke sungai.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah demikian selepas dimaklumkan berhubung lima buah sungai di negeri ini yang tercemar dengan bahan-bahan buangan dari sisa pepejal dan sisa toksik.

Baginda bertitah, sekiranya terdapat keperluan, undang-undang hendaklah dibuat untuk mengenakan hukuman yang be-

rat kepada pesalah-pesalah yang mencemarkan sungai-sungai di Selangor.

"Pendidikan kepada masyarakat perlu ditambah lagi dengan mengadakan kempen-kempen yang memberi kesedaran agar menjaga kebersihan sungai-sungai yang menjadi salah satu sumber air di negeri ini," titahnya pada Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Kedua DUN Selangor yang ke-14 semalam.

Turut berangkat, Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah serta Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari.

Sultan Sharafuddin bertitah, masyarakat dunia juga kini berdepan dengan dua cabaran utama iaitu isu perubahan iklim dan pemanasan global yang mana kedua-duanya harus ditangani secara kolektif dan efektif.

"Lebih membimbangkan, kesan perubahan iklim global yang



Sultan Sharafuddin menyampaikan tahniah ucapan sempena Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Kedua DUN Selangor ke-14, semalam.

tidak terkawal juga boleh mengundang kejadian bencana alam seperti kebakaran hutan, ribut taufan dan hujan lebat yang tidak boleh diramal sehingga menyumbang kepada berlakunya banjir besar dan sebagainya.

"Perkara itu akan memberi kesan ke atas ekosistem dan

memberi ancaman kepada rakyat, ekonomi dan pembangunan di negeri ini," titah baginda.

Sultan Sharafuddin bertitah, baginda difahamkan kerajaan negeri memperuntukkan RM2.5 juta bagi memupuk kesedaran terhadap kepentingan menjaga alam sekitar.

Titahnya, kesan perubahan iklim serta pemanasan bumi harus diperkuuh dengan membezir fokus kepada pelaksanaan tanam pokok dalam bandar serta pengindahan lanskap di sekitar bandar-bandar utama dalam Selangor.

Baginda bertitah, bagi pemuliharaan alam sekitar ke atas bekas tapak pelupusan sisa pepejal pula sebanyak RM3.15 juta diperuntukkan.

"Beta menitahkan agar kawasan-kawasan tадahan air dan hutan-hutan simpan di Selangor ini dikekalkan dan dipelihara dengan baik supaya sumber air di negeri ini mencukupi dan tidak terjejas pada masa akan datang.

"Usaha mengekalkan hutan simpan dan keindahan flora serta fauna semula jadi di hutan juga hendaklah dilakukan," titah baginda.

Baginda bertitah, pembangunan bercirikan teknologi hijau dan mesra alam semula jadi harus diutamakan di Selangor.

Headline	Sultan titah tahfiz tidak berdaftar ditutup		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 Mar 2019	Color	Black/white
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	20	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	117 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,152
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,456



Sultan titah tahfiz tidak berdaftar ditutup

SULTAN Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan sekolah swasta tahfiz yang tidak berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) ditamatkan perkhidmatan.

“Di Selangor sahaja terdapat 15,000 pelajar tahfiz di 263 sekolah swasta tahfiz yang berdaftar dengan JAIS.

“Oleh itu, sekolah-sekolah swasta tahfiz yang tidak berdaftar dan tidak mempunyai kuriku-

lum serta sistem pendidikan akademik moden perlu ditutup,” titah baginda.

Pada perkembangan sama, Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berkata, kerajaan negeri akan melaksanakan titah tuanku berhubung arahan penutupan sekolah swasta tahfiz tidak berdaftar.

Katanya, setakat ini, lebih 200 sekolah tahfiz swasta sudah berdaftar dan hanya puluhan saja lagi yang belum berbuat demikian.

“Kita bagi ruang lagi kepada mereka dalam tempoh dua bulan ini. Jika gagal, tindakan tegas akan diambil.

“Kita bukan nak halang sekolah tahfiz ini sebaliknya mahu memastikan ia berdaftar, ada kurikulum serta kemudahan yang sempurna sebab banyak kejadian seperti kebakaran serta tanah runtuh berlaku sebelum ini kerana tiada kemudahan lengkap,” katanya.

Headline	Daroyah, Zakaria angkat sumpah jawatan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	20	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	157 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,678
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,034



Daroyah, Zakaria angkat sumpah jawatan

ADUN Sementa, Daroyah Alwi dilantik sebagai Timbalan Speaker Negeri Selangor bagi Penggal Kedua DUN Selangor yang ke-14.

Daroyah menggantikan Timbalan Speaker Negeri Selangor terdahulu, Khairuddin Othman yang dilantik sebagai Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan Selangor pada 10 Disember 2018.

Beliau kemudiannya mengangkat sumpah dan menandatangi surat sumpah jawatan di hadapan Speaker DUN Selangor, Ng



DAROYAH

Suee Lim di Dewan Nege ri Selangor pada Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Persidangan

Penggal Kedua DUN Selangor ke-14, semalam.

Pada majlis sama, ADUN Semenyih yang baru, Zakaria Hanafi turut mengangkat sumpah jawatan ADUN pada jam 10.10 pagi.

Zakaria menjadi ADUN selepas memenangi PRK Semenyih pada 2 Mac lalu.

Turut berangkat pada majlis tersebut, Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin serta Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.

Beliau mewakili BN merampas kembali kerusi DUN terbabit selepas meraih 19,780 undi menewaskan tiga lagi pencabaranya iaitu calon PH, Muhammad Aiman Zainali yang memperoleh 17,866 undi, calon Parti Sosialis Malaysia (PSM), Nik Aziz Afiq Abdul (847 undi) dan calon Bebas, Kuan Chee Heng atau 'Uncle Kentang' yang memperoleh 725 undi.

PRK Semenyih diadakan susulan ADUN terdahulu, Bakhtiar Mohd Nor, 57, meninggal dunia akibat serangan jantung.

Headline	Air Selangor urus perkhidmatan air 1 Jun		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 Mar 2019	Color	Black/white
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	20	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	145 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,428
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,284



Air Selangor urus perkhidmatan air 1 Jun

PENGURUSAN Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dipertanggungjawab untuk menguruskan perkhidmatan air bermula dari rawatan hingga pengagihan kepada pengguna di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya bermula 1 Jun ini.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah, baginda berkenan dengan tindakan proaktif, strategik dan terancang yang dilaksanakan kerajaan negeri melalui Pelan Induk Sumber Air Selangor yang dapat menjamin kelangsungan bekalan air sehingga tahun 2065.

“Perjanjian tambahan kepada perjanjian utama berkenaan penstrukturkan semula industri perkhidmatan air Selangor dengan rasminya disempurnakan oleh kerajaan Malaysia, kerajaan Selangor, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Air Selangor pada 4 Januari lalu.

“Dengan perjanjian tambahan itu, maka segala usaha ke arah menyusun semula industri perkhid-

matan bekalan air berjaya diselesaikan,” titah baginda.

Dalam perkembangan sama, Sultan Sharafuddin bertitah agar kadar penggunaan air domestik di negeri ini dapat diturunkan.

“Beta difahamkan kadar penggunaan air domestik negeri mencatatkan kadar penggunaan lebih tinggi berbanding daripada kadar nasional.

“Sekiranya jumlah ini dapat diturunkan, beta yakin ia boleh menyumbang kepada penjimatan air bersih dan dapat menjamin bekalan sumber air yang berterusan,” titah baginda.

Selain dari tumpuan kepada menambah baik pengurusan perkhidmatan bekalan air, baginda turut menitahkan kerajaan negeri bersama dengan agensi seperti Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Air Selangor memberi tumpuan mendidik rakyat supaya mereka sedar akan tanggungjawab menghargai air dan tidak menggunakaninya dengan sewenang-wenang dan membazir.

Headline	Kebakaran punca jerebu		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	21	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	458 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,812
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,436



Kebakaran punca jerebu

Bacaan IPU di Selangor rekod indeks tidak sihat

SHAH ALAM

Bberapa kejadian kebakaran yang berlaku semalam dipercayai menjadi antara punca penyebab kualiti udara di Selangor mencatatkan bacaan indeks pencemaran udara (IPU) kurang sihat.

Menerusi laman Sistem Pengurusan Indeks Pencemaran Udara Malaysia (Apims) menunjukkan kawasan Shah Alam mula mencatatkan bacaan IPU tidak sihat bermula jam 4 petang kelmarin dengan bacaan 106 manakala tahap pencemaran udara di Banting pula mula terjejas pada hari sama bermula jam 10 malam dengan bacaan pada tahap 105.

Selain Selangor, keadaan udara daerah Rompin di Pahang juga turut terjejas apabila bacaan IPU berada pada tahap tidak sihat dengan bacaan IPU masing-masing adalah 114 dan 176.




FOTO: BERNAMA

Jarak penglihatan sekitar Pelabuhan Klang kelihatan terbatas akibat jerebu yang melanda semalam.



NORIZHAM

Sehingga jam 5 petang semalam, bacaan IPU di Shah Alam kembali pulih dan berada dalam keadaan sederhana dengan bacaan 96.

Manakala, bacaan udara di Banting dan Rompin masih berada dalam keadaan tidak sihat dengan bacaan IPU masing-masing adalah 114 dan 176.

Penolong Pengarah Operasi

Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Pengguna Kanan Bomba I Norizham Mohd Nordin berkata antara kejadian kebakaran yang agak kritis berlaku semalam adalah melibatkan kawasan tanah gambut berhampiran KM28 Lebuhraya Elite (dari KLIA-Putrajaya).

"Kebakaran berhampiran lebuhraya berkenaan telah menyebabkan kesesakan yang teruk disebabkan oleh asap yang tebal

dan kualiti udara juga sedikit terjejas berkemungkinan akibat daripada kejadian itu."

"Bagaimanapun, anggota Bomba telah berjaya memadamkan kebakaran terbabit daripada merebak dan pagi ini juga kami melakukan sekali lagi pemantauan bagi memadamkan saki baki hotspot di kawasan itu," katanya.

Norizham turut menasihati orang ramai khususnya pengusaha di sektor pertanian agar meng-

BACAAN IPU

17 Mac 2019 (Ahad)

Selangor

- Shah Alam -106 (4 petang)
- Shah Alam -111 (5 petang)
- Banting - 90 (4 petang)
- Banting - 90 (5 petang)

Pahang

- Rompin-254 (4 petang)
- Rompin -254 (5 petang)

18 Mac 2019 (Isnin)

Selangor

- Shah Alam - 94 (4 petang)
- Shah Alam - 95 (5 petang)
- Banting - 113 (4 petang)
- Banting - 114 (5 petang)

Pahang

- Rompin -176 (4 petang)
- Rompin -176 (5 petang)

IPU: Status

- 0-50: Baik
- 51-100: Sederhana
- 100-200: Tidak sihat
- 200-300: Sangat tidak sihat
- >300 :Berbahaya

hentikan sebarang pembakaran terbuka bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku.

Katanya, aktiviti pembakaran sampah haram juga perlu diberi perhatian kerana pihaknya kerap menerima panggilan kecemasan akibat aktiviti tersebut.

Headline	Ahli Majlis MPAJ dakwa cuba bantu tapi kena marah		
MediaTitle	Sinar Harian	Color	Full Color
Date	19 Mar 2019	Circulation	160,000
Section	Selangor & KL	Readership	509,000
Page No	24	ArticleSize	226 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 3,855
Journalist	N/A	PR Value	RM 11,565
Frequency	Daily		



Ahli Majlis MPAJ dakwa cuba bantu tapi kena marah

PANDAN INDAH – Seorang Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menafikan pihaknya mengambil duit dengan paksaan berhubung kes permit khemah bagi program sebuah tadika.

Mohd Aris Ismail tampil menjelaskan kekeliruan dan salah faham itu yang menjadi tular di media sosial selepas dimuat naik oleh seorang pemilik akaun Facebook.

“Pada awalnya, saya terima panggilan daripada Setiausaha Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Samshor Baharin Jumaat lalu, mohon bantu tadika berkenaan mohon permit khemah yang akan didirikan di Padang H untuk program sukan. Permohonan permit pula tidak dapat disiapkan kerana banyak maklumat tidak lengkap,” katanya.

Mohd Aris berkata, beliau mengarahan ahli Jawatankuasa Penduduk Zon 15, MPAJ untuk mendapatkan bayaran bagi tujuan memohon permit dan menandatangani borang permohonan.

“Bayaran dibuat sebanyak RM150 bagi tiga khemah, bagaimanapun pengajur marah kerana perlu membayar permit untuk khemah tersebut sedangkan sudah bertahun-tahun mereka buat program tanpa perlu membayar.

“Saya telah merujuk kepada pihak MPAJ bahawa permit perlu diambil untuk pemasangan khemah di kawasan padang,” katanya menerusi satu kenyataan, di sini.

Menurutnya, ketidakpuasan hati menyebabkan pengajur berjumpa dengan pihak MPAJ dan berkemungkinan mendapat maklumat yang salah.

“Penggunaan padang adalah percuma bukannya pemasangan khemah. Setiap khemah yang dipasang perlu mendapatkan permit dari pihak MPAJ.

“Saya cuba bantu pihak pengajur agar program yang dirancang dapat berjalan lancar tanpa gangguan dari pihak penguatkuasa sekiranya tiada permit sementara dikeluaran,” katanya.

NO. GST : 000000000000 INVOIS CUKUAI (BIL TERIMAAN PELBAGAI)					
NAMA DAN ALAMAT		NO. BIL:		03002025	
NAMA: ALAMAT:		NO. AKAUN:		1903002025	
		TARIKH:		19/03/2019	
		ID PELANGGAN:		ID-00099022	
MAKLUMAT BIL					
TRANSAKSI		CARA CAS	AMALUN (RM)	GST (%)	JUMLAH (RM)
03 - PERMIT KHEMAH 03 - PROSES LESEN		INC	150.00	0.00	150.00
		EKS	50.00	0.00	50.00
RIWUJKAN BIL					
Bilangan Set		Amun (RM)	GST (RM)	KETERANGAN LANJUT	
05@0%		200.00	0.00	PERMIT KHEMAH 2019 TEMPOH : 16/3/2019 (1 BULAN) LOKASI : [REDACTED]	
BUTIR-BUTIR BAYARAN					
Keterangan		Amun (RM)			
Jumlah (Sebelum GST)		200.00			
Jumlah Tertakuk (GST)		200.00			
GST(0%)		0.00			
Pengurangan		0.00			
----- TOTAL FASIR		200.00			
DITERIMA OLEH		200.00			
(6/03/2019 15:28:45)		200.00			
NOA/903002025		03002025 111111111111			
YANG DIPERTUA					

Resit yang dikeluarkan oleh MPAJ.

Headline	JKR Hulu Langat santuni 80 warga emas Nur Hasanah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	24	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	216 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,684
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,052



JKR Hulu Langat santuni 80 warga emas Nur Hasanah

SEmenyah - Sifat keprihatinan dan tanggungjawab warga Jabatan Kerja Raya (JKR) Hulu Langat menyuntik semangat mereka untuk mencurahkan tenaga dan sumbangan bagi menceriakan serta mengindahkan Pusat Jagaan Nur Hasanah, di sini.

Program Jalanan Kasih Sayang itu merupakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Kebajikan JKR Hulu Langat.

Pemilihan pusat jagaan itu adalah hasil maklumat diterima daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Hulu Langat.



Program dianjurkan dapat memupuk warga JKR Hulu Langat mengenai sifat bertimbang rasa dan keprihatinan terhadap warga emas.

Program itu cetusan idea Juruterma Daerah Hulu Langat, Ir Dr Zarabizan Zakaria yang mahu

membangkitkan sifat bertimbang rasa, keprihatinan terhadap warga emas, bersyukur dan menye-

mai kasih sayang dalam kalangan warga JKR Hulu Langat.

“Saya berharap program ini

dapat beri kegembiraan kepada penghuni, sekali gus merapatkan silaturahim.

“Walaupun tiada pertalian darah dengan mana-mana penghuni, namun kasih sayang timbul oleh 80 orang warga JKR Hulu Langat untuk mencurahkan kerangat terhadap warga emas pusat jagaan ini,” katanya.

Zarabizan berkata, warga JKR Hulu Langat bergotong-royong membersihkan kawasan persekitaran, mengecat blok surau, memasak, menanam pokok dan beraramah mesra serta menghulurkan sumbangan.

Headline	Orang Besar Sabak Bernam terima tauliah jawatan pengakap		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	33	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	248 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,230
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,690



Orang Besar Sabak Bernam terima tauliah jawatan pengakap

SUNGAI BESAR - Orang Besar Daerah Sabak Bernam, Datuk Baharin Mat Akhir menerima tauliah jawatan Ahli Majlis Pengakap Daerah Sungai Besar kerana baktinya kepada badan beruniform itu.

Baharin yang juga Yang Dipertua Majlis Pengakap Daerah Sungai Besar menerima tauliah jawatan itu di Bilik Galeri Bestari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Besar, di sini.

Selain Baharin, seramai 18 yang lain turut menerima tauliah jawatan itu termasuk Pegawai Pendi-



Barisan Ahli Majlis Pengakap Daerah Sungai Besar, Kuasa Penganjur dan pemimpin pengakap bergambar kenangan pada Majlis Penyampaian Tauliah Jawatan Ahli Majlis Pengakap Daerah Sungai Besar di SMK Sungai Besar.

dikan Daerah Sabak Bernam, Mohd Jaluli Yahaya dan ADUN Sungai Panjang, Datuk Mohd Imran Tamrin

serta beberapa barisan ahli jawatan-kuasa yang lain.

Majlis penyampaian tauliah ke-

pada Ahli Majlis Pengakap Daerah Sungai Besar itu disempurnakan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Nege-

ri Selangor, Noor Hashim Ismail.

Mohd Jaluli dan Mohd Imran Tamrin masing-masing merupakan Naib Yang Dipertuaan Naib Pengerusi Majlis Pengakap Daerah Sungai Besar.

Pada majlis sama, turut disampaikan 26 Sijil Pendafaran Kumpulan Pengakap yang berdaftar di bawah Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) Daerah Sungai Besar.

Penyampaian sijil itu diberikan kepada pengetua dan guru besar selaku Kuasa Penganjur Pengakap Sekolah.

Headline	Tutup sekolah tahfiz tidak berdaftar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	19 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	1,4	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	407 cm ²
Journalist	SITIROHAIZAH ZAINAL	AdValue	RM 8,044
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,132



Sultan Kelantan muncul kali pertama rasmikan sidang DUN sejak letak jawatan sebagai Agong »4



SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH bersalam dengan Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor selepas merasmikan Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Ke-14 di Shah Alam, semalam. Turut berangkat ialah Tengku Permaisuri Norashikin dan Tengku Amir Shah. - UTUSAN/MOHD SHAHARANI SAIBI

Tutup sekolah tahfiz tidak berdaftar

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL
pengarang@utusan.com.my

■ SHAH ALAM 18 MAC

SULTAN Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan sekolah-sekolah swasta tahfiz yang tidak berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) ditutup.

Tegas Sultan Sharafuddin, sekolah tahfiz yang tidak mempunyai kokurikulum dan sistem pendidikan akademik moden juga hendaklah ditamatkan

perkhidmatannya.

“Pendidikan tahfiz di Selangor telah menarik minat ramai ibu bapa dan pelajar dan di Selangor sahaja terdapat 15,000 pelajar tahfiz di 263 sekolah swasta tahfiz yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS).

“Beta menitahkan sekolah-sekolah swasta tahfiz yang tidak berdaftar dengan JAIS dan tidak mempunyai kokurikulum dan sistem pendidikan akademik moden hendaklah ditutup,” tia-

Istiadat Pembukaan Penggal Kedua Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor Ke-14 di sini, hari ini.

Turut berangkat, Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.

Dalam pada itu, Sultan Sharafuddin menyeru kerajaan negeri supaya melaksanakan penguatkuasaan lebih serius terhadap mereka yang melepas sisa-sisa buangan ke sungai terutama dengan mengenakan hukuman yang lebih berat.



雪蘇丹：提升環保意識 擬法嚴懲污染河流者

(莎阿南18日訊) 雪州
蘇丹沙拉夫丁殿下諭令州
政府，在必要時擬定更嚴
厉法律，严惩污染河流人

士。

殿下說，州內有4至5條河
流，受到固体廢料和化學物品
污染，州政府必須執行更严厉
的執法工作，对付肇事者。

“除此之外，教育工作也必須
增加，以增加人民保護河流的意
識，因為河水是源自河流。”

教育人民節省用水

殿下今日為第14屆第2季第1次
會議開幕，並发表施政御詞時指
出，水是人類的基本需求，但州
內工業用水量已超出全國的指
標，若用水量能減少的話，水供
肯定能永續輸出。

殿下說，除了著手提升水供服
務，州政府也必須和雪州水供管
理機構和雪州水供管理有限公司
共同教育人民節省用水。

“社會正面對2項主要挑戰，
即氣候與全球暖化，對此必須全
面和有效的解決方法。因失控的
氣候會造成天災，繼而影響人
民、經濟和建設。”

殿下指出，集水區和森林保留
區必須保留和給予修復，州政府
也要確保不再發生非法砍伐的行
為。



■沙拉夫丁殿下在苏丹后诺拉西京抵达州政府大厦，准备步入议会厅。

■沙拉夫丁殿下为议会开幕后，与众

達羅雅宣誓任副議長

正党士文达区州议员达罗雅，
将成为新任雪州副议长。

在前任副议长凯鲁丁受委担任行
政议员后，该位置便开始空缺，议
长黄瑞林今日在雪州第14届第2季
第1次会议上，宣布填补人选。

达罗雅之前也是掌管卫生、福利
及妇女与家庭事务行政议员。

此外，本月初在士毛月州议席补
选中胜出的查卡里亚，也完成了宣
誓仪式，誓把人民的心声带到议会
中。



展開預計2週議會

雪州第14届第2季第1次会
议，周一（18日）由雪
州苏丹沙拉夫丁殿下主持开幕
后，正式展开预计为期2周的议
会。

会议仪式是先让新任副议长
达罗雅宣誓就任，之后则是国
阵士毛月区州议员查卡里亚宣
誓就任。

■达罗雅将担任新一任的
副议长。



■沙拉夫丁殿下为议会开幕后，与众



■士毛月区州议员查卡里亚宣誓
就任。



■大部分州议员都有出席开幕仪式。右起是行政议员凯鲁丁、
莲花苑区州议员黎淮福、万津区州议员刘永山、万达镇区州
议员嘉玛丽亚、斯里桑迪亚区州议员哈里米。



■黄瑞林（右5起）将和达罗雅合作，负责议会事项，确保每次议会能顺利进
行。



伊·(左起)
和黃惠汉均前去慰问对方。
邓
必
须
坐
轮
椅
出
席
行
政
议
员
凯
魯
丁

雪蘇丹諭令公務員履行責任

蘇丹沙拉夫丁殿下在雪州议会中

履行责任，尽全力执行工作，尤其是关系到人民的雪

各地方政府。

沙拉夫丁殿下在雪州议会中为第14

第二季第一次会议主持开幕仪式致词

时说，地方政府必须确保固体废

料能更有系统和完善的处理。

殿下说，地方上的垃圾问题也必须

要处理，以免因垃圾堆的出现造成臭

味问题，导致空气的污染及疾病的传

染。

殿下指出，地方政府也必须采取更

严厉的行动对付没有照顾清洁卫生的

餐馆和食肆业者，确保人民的健康受

到保障。

殿下说，随着居民人数和社会活动

的增加，形成垃圾量也大增，尤其是

塑料、金属、食物残渣、建筑废料、

园艺垃圾等，州政府必须使用更先

进的技术处理垃圾问题。

“朕认为目前使用焚化炉Waste

To Energy (WTE) 是非常合
时宜，Worldwide Holdings Berhad 也已签署了备忘录以发
展Waste To Energy，涉及投资

额是10亿令吉。”

殿下说，该焚化炉将分为二期计

划进行，将设在而，将能够把垃圾处理成能源，尤

其是亲自然界的清洁能源，并不

会危害到健康。

殿下也祝贺取得5星的地方政

府，雪州也是国内3个州内各地

政府，取得5星的州属。

殿下指出，这也证明了雪州的

各地方政府的杰出表现，为人民提

供更好的服务。

PRINTED AND DISTRIBUTED BY PRESSREADER
www.pressreader.com

PRINTED AND DISTRIBUTED BY PRESSREADER
www.pressreader.com

感謝中央撥款26億

殿下欢迎中央政府改变原有政策，感谢中央政
府拨出26亿令吉，在雪州2019年推动滚动式计
划4(Rolling Plan4)，推动39项新计划，以及264
项持续性的计划。

殿下说，经济事务部推动第三巴生桥第二期计
划，总值是4亿8300万令吉。

“朕也非常高兴，经济事务部让14项搁置的发
展计划继续进行，涉及的总额是1亿6700万令吉。”

雪州苏丹说，中央政府的数个部门也和雪州政府
进行协商，有关于在雪州政府“等待”名单中的4项
新计划，其中包括在巴生县安昂亚河的加强堤坝计
划，该计划已获提及在2019年执行，工程经费是
1500万令吉。

財政預算案為25.6億 通過10領域推動經濟

雪州苏丹沙拉夫丁殿下说，雪
州议会批准2019年的财政
预算案是25亿6000万令吉，雪州
通过了10大领域推动雪州经济发
展。

殿下说，在雪州大臣阿米鲁丁
所宣布的2019年财政预算案中，
通过10大领域推动雪州经济的发
展，分别是航空、旅游、工业、
农基和农业教育等。

殿下也关注雪州政府在教育方
面推动的计划，包括大专生发展

基金、补习补助计划、宗教学校、
特殊孩子教育计划等。

雪州苏丹说，雪州在2018年总

共批准了241项工厂计划，是全国

之冠，而2017年则是批准了202

项，涨幅19%。

殿下说，在2018年雪州批准的

